

## HUKUM-HUKUM AKAL DALAM ILMU AKIDAH: SATU KAEDAH DAKWAH KE ARAH PEMURNIAAN PEMIKIRAN

Nurul Iman Mohd Zain, Mohd Kamil Ahmad\*

\*Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan  
[mohdkamil@umk.edu.my](mailto:mohdkamil@umk.edu.my) (Penulis Penghubung)\*

---

**ABSTRAK:** Perbahasan hukum akal seringkali diberi perhatian yang serius dan sering diletakkan pada bahagian awal kitab-kitab akidah sebagai pengantar yang perlu dihadap sebelum melangkah ke dalam perbincangan sebenar mengenai permasalahan-permasalahan akidah. Kegagalan memahami hukum akal secara benar boleh menyebabkan kesilapan pemikiran yang fatal malah boleh menjerumuskan seseorang ke dalam perangkap kesesatan dan kekufuran. Begitu juga, ia boleh menjadi senjata yang ampuh ketika berdialog dengan ateis, sekularis dan modernis. Justeru, penulisan ini dilakukan untuk mengangkat kembali kefahaman yang jelas mengenai hukum akal seperti wajib, mustahil dan harus dan aplikasinya dalam permasalahan-permasalahan akidah misalnya dalam mengisbatkan kewujudan tuhan dan menolak syubhah berkaitan perkara ketuhanan, kenabian, *sam'iyat* dan banyak lagi. Penulisan ini menggunakan metodologi kajian secara kualitatif melalui analisis kandungan *turath Islami* dan data kepustakaan. Implikasi artikel ini diharap boleh meleraikan dan memurnikan segala kekeliruan dan salah faham yang jelas berlaku ketika mendalami ilmu akidah.

**Kata kunci:** Akidah, hukum akal, hukum adat, pemikiran, dakwah

---

### PENDAHULUAN

Kefahaman mengenai pembahagian hukum adalah suatu yang amat penting malah berperanan sebagai teras sebelum mempelajari ilmu Akidah. Kefahaman terhadap pembahagian ini amat diperlukan bagi mendapatkan kefahaman yang jelas terhadap ilmu akidah dan boleh membantu memurnikan segala kekeliruan dan salah faham ketika mempelajari dan mendalami ilmu Akidah mahupun perkara-perkara yang berkaitan dengan iktikad. Perbahasan mengenai hukum akal, adat dan syarak ini seringkali diberi perhatian yang serius oleh ulama-ulama akidah. Jika disoroti sepintas lalu khazanah penulisan dalam ilmu akidah didapati bahawa terdapat sebahagian ulama yang meletakkan perbahasan ini pada bahagian awal penulisan kitab-kitab mereka. Ia berfungsi sebagai pendahuluan atau pengantar yang perlu difahami oleh penuntut ilmu sebelum melangkah ke dalam perbincangan sebenar mengenai permasalahan-permasalahan akidah.

Sebagai contoh yang jelas, Imam al-Sanusi (meninggal 895H) di dalam himpunan kitab akidah karangannya telah meletakkan perbincangan mengenai hukum syarak, hukum akal dan hukum adat sebagai perbahasan awal atau

pintu masuk dalam semua kitab ini iaitu *Al-Muqaddimat*, *Sughra al-Sughra*, *al-Aqidah al-Sughra* (juga dinamakan sebagai *Umm al-Barahin*), *al-Aqidah al-Wusta*, dan *al-Aqidah al-Kubra* sebelum meluaskan perbahasan mengenai permasalahan-permasalahan sebenar akidah iaitu ketuhanan, kenabian, perkara-perkara *sam'iyat*, dan lain-lain. Nilai himpunan silsilah kitab Sanusiyyah ini dalam khazanah ilmu akidah adalah sangat besar hingga disifatkan oleh seorang sejarawan Islam iaitu al-Shafshawani (1977) sebagai antara khazanah penulisan terbaik yang pernah dihasilkan dalam sejarah Islam.

Maksud hukum menurut bahasa merujuk kepada *isbat* atau menetapkan. Selain itu, ia juga merujuk kepada *isnad* atau menyandarkan (Al-Fayruzabadi, 2008). Dari segi istilah pula, bermaksud menthabitkan atau menetapkan suatu perkara kepada suatu perkara atau menafikannya (Al-Sanusi, 2019), dan ada sesetengah ilmuwan mentakrifkannya sebagai menyandarkan sesuatu kepada sesuatu yang lain atau menafikannya (Al-Jurjani, t.th). Kedua-dua takrif saling berkaitan, di mana apabila disebut dengan '*isbat*' bermaksud menetapkan, seperti menetapkan sifat cantik kepada Khadijah, atau sifat rupawan kepada Yusuf atau menafikan seperti menafikan sifat malas